



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# IKLAN DALAMAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK

Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan akademik secara Tetap/Kontrak di **AKADEMI SENI DAN TEKNOLOGI KREATIF** seperti berikut:

SENI KREATIF	
1.	<b>PENGANTAR DRAMATARI</b>
2.	<b>SENI TARI MALAYSIA 2</b>
SENI MUZIK	
1.	<b>TEORI DAN HARMONI II</b>
2.	<b>ANALISIS TEKS MUZIK BARAT II</b>
3.	<b>ENSEMBEL INSTRUMENTAL DAN VOKAL II</b>
4.	<b>ENSEMBEL INSTRUMENTAL DAN VOKAL IV</b>
5.	<b>ENSEMBEL INSTRUMENTAL DAN VOKAL VI</b>
6.	<b>GUBAHAN MUZIK BAND</b>
7.	<b>GUBAHAN MUZIK WIND ORKESTRA</b>
8.	<b>HARMONI MODEN II</b>

## JAWATAN : PENSYARAH SAMBILAN UNIVERSITI (GRED DS45/DS51)

- i. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Perkhidmatan Pendidikan  
ii. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pengurusan dan Profesional

## SYARAT-SYARAT UMUM

- i. Berusia sekurang-kurangnya 18 tahun bagi calon warganegara pada tarikh tutup iklan;
- ii. Mempunyai latar belakang pencapaian akademik yang baik, iaitu calon dengan Ijazah Sarjana Muda hendaklah mencapai purata nilai gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.0, atau yang setaraf dengannya;
- iii. Bidang pengkhususan kelayakan adalah relevan dan bersesuaian dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan (contoh: calon dengan kelayakan ijazah sarjana hendaklah memiliki bidang kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang relevan dan berkaitan dengan kelayakan sarjana tersebut);



- iv. Calon warganegara bagi tujuan pelantikan tetap hendaklah memperolehi kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya);
- v. Mempunyai kelayakan atau kebolehan pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris yang baik (contoh : calon warganegara memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, keputusan MUET sekurang-kurangnya Band 3);
- vi. **Adaptasi Teknologi** – Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.
- vii. **Komunikasi** – Memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

## SYARAT LANTIKAN

### KELAYAKAN LANTIKAN KE PENSYARAH KANAN GRED DS51 :

- Kelayakan Masuk Bidang/Kelayakan Khusus : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- i. Memiliki Ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - ii. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan;
  - iii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
  - iv. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- Gaji Permulaan : (Min) RM5,855.00 – (Maks) RM12,445.00

## CARA MEMOHON

Pemohon perlu mengemukakan CV dan salinan sijil-sijil akademik kepada Pejabat Pentadbiran ASTiF melalui emel [pejastif@ums.edu.my](mailto:pejastif@ums.edu.my)

**Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 / 02 / 2024 (JUMAAT)**

PEROKOK ADALAH TIDAK DIGALAKKAN MEMOHON

## MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pihak **AKADEMI SENI DAN TEKNOLOGI KREATIF**:





BIL	NAMA PEGAWAI
1.	<b>Encik Suhaimie Sahabuddin</b> Ketua Pentadbiran Akademi Seni Dan Teknologi Kreatif, UMS Emel : miedin@ums.edu.my
2.	<b>Cik. Earlene Kasamira Vashti Binti Edham</b> Penolong Pendaftar Akademi Seni dan Teknologi Kreatif Emel : earlene@ums.edu.my